




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 11 – 14 JUN 2021

BIL. 15 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 14 Jun 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 586,864** atau 88.6 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **71,625 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **4,949 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **662,457 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **4,943 kes** daripada catatan harian dengan **81.3 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 6 kes**. Kawasan Lembah Klang mendominasi **kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 43.2 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (19.4 peratus), Zon Selatan (17.2 peratus), Zon Utara (11.9 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.2 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** dengan **1,523 kes** disusuli Sarawak (744 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (503 kes), Johor (430 kes), Negeri Sembilan (323 kes) dan Sabah (273 kes). Sejumlah **3,968 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **60 kematian terbaru** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 13 Jun 2021 menunjukkan seramai **3,132,304** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **552,275** diikuti Selangor dengan 462,612. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (324,913), Johor (294,240), Sabah (243,973), Perak (235,068), Kedah (195,936) sementara Kelantan dan Pahang masing-masing merekodkan 149,603 dan 146,891. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **4,490,270** meliputi **3,132,304** penerima bagi **dos pertama** manakala **1,357,966** telah menerima **dos yang kedua**.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- **GLOBAL: Ekonomi dunia dijangka akan mengalami pemulihan yang terpantas dalam 80 tahun.** World Bank menjangkakan ekonomi global akan mengalami pemulihan terpantas dari kemelesetan dalam tempoh lebih dari 80 tahun, namun negara-negara miskin berisiko ketinggalan jauh di belakang negara-negara kaya akibat proses vaksinasi Covid-19 yang perlahan. Laporan *Global Economic Prospect: The Half-year outlook* mengunjurkan ekonomi bertumbuh 5.6% pada tahun ini, berbanding pertumbuhan 4.1% yang dijangkakan sebelumnya. (The Guardian)
- **US: Permohonan gadai janji kediaman US menurun ke tahap terendah sejak Februari 2020,** didorong penurunan pembiayaan semula. Mortgage Bankers Association (MBA) menyatakan indeks pasaran yang diselaras mengikut musim jatuh -3.1% pada minggu yang berakhir pada 4 Jun 2021. Ini menunjukkan penurunan permohonan pembiayaan semula sebanyak -5.1% dan -27% lebih rendah daripada tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Sementara itu, indeks pembelian meningkat 0.3% dari minggu sebelumnya. (Reuters)
- **EU: Pertumbuhan eksport Germany lebih perlahan daripada yang dijangkakan.** Pertumbuhan eksport Germany turun lebih perlahan dari yang dijangkakan pada bulan April 2021. Manakala import menyusut untuk pertama kalinya dalam jangka masa tiga bulan. Eksport meningkat 0.3% bulan ke bulan pada bulan April 2021, setelah mencatatkan kenaikan 1.3% pada bulan Mac 2021. Penganalisis ekonomi telah meramalkan pertumbuhan bulanan pada kadar 0.5%. Sementara itu, import merosot -1.7% pada bulan April 2021, berbanding kenaikan 7.1% pada bulan sebelumnya. Penurunan ini lebih besar daripada ramalan penganalisis ekonomi pada kadar -1.1%. Lebihan perdagangan meningkat kepada EURO15.9 bilion pada bulan April 2021 daripada EURO14 bilion pada bulan Mac 2021. (RTT)
- **US: Defisit belanjawan US menyusut apabila pendapatan meningkat dengan mendadak.** Kerajaan US mencatatkan defisit sebanyak USD132 bilion pada bulan Mei 2021, iaitu satu pertiga dari defisit Mei 2020 (USD399 bilion). Defisit yang lebih rendah ini didorong oleh peratusan bekerja lebih tinggi dan pelanjutan tarikh pembayaran cukai. Penerimaan US Treasury meningkat 167% menjadi USD464 bilion disebabkan oleh penangguhan tarikh pemfailan cukai pendapatan Internal Revenue Service tahun lalu kepada selewatnya 15 Julai 2021. (Reuters)
- **US: Harga pengguna naik 0.6% pada bulan Mei 2021.** Laporan Labor Department menunjukkan harga pengguna US meningkat lebih dari yang dijangkakan pada bulan Mei 2021. Indeks Harga Pengguna naik 0.6% pada bulan Mei 2021 setelah naik 0.8% pada bulan April 2021.

Penganalisis ekonomi menjangkakan harga pengguna akan meningkat 0.4%. (RTT)

- US: **Tuntutan faedah pengangguran turun ke tahap terendah sejak Mac 2020.** Tuntutan faedah pengangguran AS menunjukkan penurunan sederhana pada minggu yang berakhir pada 5 Jun 2021. Laporan Labor Department menunjukkan tuntutan faedah pengangguran turun kepada 376,000, penurunan sebanyak 9,000 daripada tahap 385,000 dicatatkan pada minggu sebelumnya. Penganalisis ekonomi menjangkakan tuntutan faedah pengangguran turun kepada 370,000. (RTT)
- EU: **European Central Bank (ECB) menyemak naik unjuran pertumbuhan ekonomi EU** untuk tahun ini dan tahun 2022. ECB juga menyemak naik ramalan inflasi bagi tempoh dua tahun, tetapi menjangkakan tekanan inflasi akan mereda. (RTT)
- EU: **Kadar pengangguran Greece turun.** Statistik yang dikeluarkan oleh Hellenic Statistical Authority menunjukkan kadar pengangguran Greece turun kepada 16.3% pada bulan Mac 2021 daripada 16.6% pada bulan Februari 2021. Pada bulan yang sama tahun lalu, kadar pengangguran Greece adalah pada kadar 16.1%. Bilangan penganggur menurun sebanyak 32,081 orang kepada 714,779 pada bulan Mac 2021 daripada 746,860 pada tahun sebelumnya. (RTT)
- UK: **Harga Kediaman terus meningkat didasari permintaan yang tinggi.** Harga Kediaman UK terus meningkat pada Mei 2021, didorong oleh permintaan yang kuat dan penurunan pembinaan baharu. Tinjauan Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS) menunjukkan harga kediaman meningkat kepada 83% pada bulan Mei 2021 daripada 76% pada bulan April 2021 dan ini merupakan kenaikan bulan keempat berturut. (RTT)
- UK: **Ekonomi UK mencatat lonjakan tahunan pada April 2021.** Pemulihan ekonomi UK dari pandemik COVID-19 melonjak pada bulan April 2021 apabila langkah-langkah sekatan pergerakan dilonggarkan. Ekonomi UK mencatatkan pertumbuhan bulanan terpantas sejak bulan Julai 2020 apabila output ekonomi meningkat 27.6% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. (Reuters)
- CHINA: **Dijangkakan inflasi barang di kilang China yang tinggi akan menambah tekanan inflasi global.** Kenaikan kos komoditi yang diimport oleh China mendorong inflasi bahan mentah di kilang ke tahap tertinggi sejak tahun 2008. Dijangkakan pengeksport akan menaikkan harga yang seterusnya meningkatkan tekanan inflasi pada ekonomi global. Indeks harga pengeluar naik 9% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021, didorong oleh kenaikan harga minyak, logam dan bahan kimia. Peningkatan ini adalah mele过 angka ramalan median tinjauan

Bloomberg pada kadar 8.5%. Inflasi pengguna meningkat hanya 1.3% tahun ke tahun. (Bloomberg)

- **SOUTH KOREA: KDNK South Korea ST1 2021 meningkat 1.7% suku tahun ke suku tahun.** Ekonomi Korea Selatan disemak semula dan dianggarkan berkembang 1.7% suku tahun ke suku tahun berbanding 1.6% yang dilaporkan pada data awalan. Semakan kadar pertumbuhan yang lebih baik tersebut disumbangkan oleh penggunaan dan pelaburan fasiliti swasta yang masing-masing meningkat 1% dan 6.1% suku tahun ke suku tahun. Pertumbuhan ST1 untuk pelaburan kemudahan mengalami semakan yang paling drastik daripada 0.4% kepada 1.3%. Sementara itu, eksport disemak naik kepada 2.0%, lebih baik daripada kenaikan 1.9% yang dilaporkan sebelumnya. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, ekonomi South Korea bertumbuh 1.9% berbanding pertumbuhan 1.8% yang dilaporkan pada data awalan. (Reuters)
- **CHINA: Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank di China melebihi jangkaan pada bulan Mei 2021.** People's Bank of China mendedahkan bahawa pinjaman baharu pada bulan Mei berjumlah CNY1.5 trillion, hampir tidak berubah daripada CNY1.47 trillion pada bulan sebelumnya. Jumlah ini melangkaui jangkaan pinjaman pada jumlah unjuran sebanyak CNY1.4 trillion. Jumlah pembiayaan sosial meningkat kepada CNY1.9 trillion pada bulan Mei 2021 tetapi di bawah ramalan CNY2 trillion. Penawaran wang M2 meningkat 8.3%, lebih tinggi daripada kenaikan 8.1% pada bulan April 2021. (RTT)
- **JAPAN: Harga pengeluar naik 0.7% bulan ke bulan pada bulan Mei 2021.** Harga pengeluar di Jepun meningkat 0.7% pada bulan Mei 2021. Bank of Japan menyatakan peningkatan itu melebihi jangkaan kenaikan 0.5%. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan tersebut lebih rendah dari 0.9% pada bulan April 2021. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, harga pengeluar naik 4.9% pada Mei 2021 dari kenaikan 3.6% pada bulan sebelumnya. Harga eksport naik 1.0% bulan ke bulan dan 11.0% tahun ke tahun sementara harga import meningkat 2.2% bulan ke bulan dan melonjak 25% tahun ke tahun. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 2.1. Persatuan PKS Malaysia mencadangkan supaya PKP dilaksanakan secara menyeluruh selama satu bulan dengan **menutup sepenuhnya semua aktiviti ekonomi termasuk sektor pembuatan**. Manakala sektor perkhidmatan perlu seperti **pertanian dan rantaian bekalan makanan dibenarkan beroperasi pada kapasiti 50 peratus**.
- 2.2. Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 merupakan usaha kerajaan negeri melalui Tourism Johor yang akan melaksanakan pemberian Insentif One-Off sebanyak **RM1.74 juta kepada pengusaha pelancongan yang terkesan akibat PKP 3.0**.
- 2.3. **Semua perkhidmatan pengangkutan awam termasuk teksi dan e-hailing dibenarkan beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) yang dilanjutkan sehingga 28 Jun 2021.** **Setiap kenderaan penumpang juga dihadkan kepada tiga individu iaitu seorang pemandu dan dua penumpang termasuk bagi kenderaan bersaiz lebih besar seperti 4WD dan van.**
- 2.4. Hospital UCSI di Bandar Springhill, Port Dickson antara **lima hospital swasta terbesar di Negeri Sembilan yang terpilih sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) COVID-19**.
- 2.5. Sabah telah **melarang eksport besi buruk** buat sementara waktu untuk memastikan bahan mentah mencukupi **untuk menampung operasi industri keluli tempatan**. Larangan itu akan diangkat apabila mekanisme untuk mengenakan cukai penjualan negeri sebanyak RM200 per metrik tan pada eksport besi buruk berjaya dirumuskan. Walau bagaimanapun, eksport logam sekirap lain seperti tembaga, aluminium, logam berharga seperti platinum dan emas, titanium dan keluli tahan karat dikecualikan daripada larangan tersebut.
- 2.6. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkata PIKAS akan dilaksanakan dengan **suntikan vaksin di kilang-kilang dan lokasi perindustrian yang ditetapkan**. Syarikat-syarikat dalam subsektor pembuatan kritikal termasuk subsektor elektrik dan elektronik (E&E), pemprosesan makanan, besi dan keluli, peranti perubatan, peralatan perlindungan diri (PPE), minyak dan gas (O&G), dan subsektor produk getah (termasuk pembuatan sarung tangan perubatan) akan diutamakan untuk vaksinasi.

- 2.7. Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) berkata kira-kira **80 peratus daripada semua perniagaan jatuh di bawah sektor yang tidak penting dan tidak dibenarkan di bawah tempoh sekatan pergerakan yang dilanjutkan**, manakala sektor penting hanya dibenarkan beroperasi pada kapasiti 60 peratus, yang akan melumpuhkan keseluruhan sektor pembuatan dan sumbangannya kepada rantaian bekalan global.
- 2.8. **Malaysia tidak akan menghantar jemaah haji bagi Musim Haji 1442H** berikutan keputusan kerajaan Arab Saudi yang hanya membenarkan ibadah itu dilaksanakan oleh warganegara dan penduduk negara lain yang telah berada dalam negara tersebut. Ini disebabkan oleh situasi semasa pandemik COVID-19 yang membimbangkan di seluruh dunia. Lembaga Tabung Haji akan menguruskan segala urusan rakyat Malaysia yang telah berada di sana dan terpilih untuk menunaikan ibadah haji.
- 2.9. Industri kreatif tempatan melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) **membantu lapan syarikat animasi dan satu syarikat permainan meraih RM42 juta** dalam peluang komersial dan jualan di Sidang Kemuncak Virtual Kidscreen 2021. MDEC telah membimbing sembilan syarikat kreatif itu melalui perjanjian perniagaan untuk membina rangkaian dan memacu perniagaan berkaitan hiburan untuk kanak-kanak. Antara syarikat itu ialah Monsta, Lemon Sky, Lil Critter, Giggle Garage, Skyline Interactive, Anima Vitae Point, Pixelline Studios, Animasia Studios dan Common Extract.
- 2.10. **Harga minyak telah meningkat lebih 40% pada tahun ini** dengan pemulihan kukuh di **Eropah, AS dan China** memacu kenaikan harga, walaupun COVID-19 terus meningkat di Asia. **Pasaran juga semakin yakin** dengan struktur kenaikan yang ditunjukkan pasaran minyak manakala Goldman Sachs Group Inc. melihat **permintaan bahan api pesawat akan bertambah** dengan **meningkatnya kadar vaksinasi**.
- 2.11. **Data utama minyak sawit mentah (CPO) Malaysia** berkemungkinan **mengukuh pada 2021 berbanding tahun lalu**, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilaksanakan baru-baru ini tidak memberi kesan kepada operasi pengilangan kelapa sawit di Malaysia setakat ini.
- 2.12. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lepas, berlaku **pengurangan sekurang-kurangnya 30-40 peratus pekerja asing dan tempatan** di Cameron Highlands. Sektor pertanian Cameron Highlands **menyumbang 60 peratus daripada bekalan sayur-sayuran di Semenanjung Malaysia**. Ia termasuk 4,046 hektar tanah

yang ditanam dengan sayur-sayuran, 809 hektar bagi bunga dan 1,619 hektar bagi teh.

- 2.13. **Nexus Produktiviti Agromakanan (AFPN) dan Nexus Produktiviti Elektrik dan Elektronik (EEP)** dengan sokongan MPC, akan memperkenalkan satu program potensi automasi bagi memastikan produktiviti dalam subsektor agromakanan terutamanya dalam **kalangan perusahaan kecil dan sederhana** untuk terus konsisten semasa tempoh pandemik.
- 2.14. **AirAsia Food**, iaitu perniagaan penghantaran makanan telah mempunyai sejumlah **3,000 peniaga** termasuk 300 di Pulau Pinang. Maklum balas peniaga dan pelanggan amat memberansangkan susulan kadar **komisen rendah AirAsia Food pada 15 peratus** bagi peniaga dan caj penghantaran 99 sen untuk jarak sehingga 5 kilometer dan RM3.99 bagi 5 hingga 10 kilometer.
- 2.15. **Boustead Properties Bhd** memperuntukkan kira-kira **RM18 juta** untuk membantu **350 penyewa di 6 harta tanah komersial** yang terkesan dengan ekonomi impak daripada pandemik COVID-19. Penyewa terdiri daripada mereka yang menyediakan khidmat guaman, pengurusan aset kewangan, insurans, pelancongan, telekomunikasi, kejuruteraan, pengiklanan, perkhidmatan jualan dan kesihatan, termasuk kedai makan, pengusaha kecil dan sederhana (PKS) dan agensi kerajaan.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 12 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>SME Association asks govt to make decisive approaches to end pandemic</p> <p>The extension of the movement control order (MCO) 3.0 will continue to hurt businesses and further dampen the economy, and will not lead to a more definitive end to the pandemic.</p> <p>The SME Association of Malaysia proposed that the government declare a state-of-emergency MCO for a period of one month and stop all economic activities, including the manufacturing sector, while essential services such as the agriculture sector and food supply chain are allowed to operate at 50% capacity.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/sme-association-asks-govt-make-decisive-approaches-end-pandemic
2.	Utusan Malaysia 13 Jun 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Pengusaha pelancongan boleh mohon Ihsan Johor 3.0 bermula Selasa</p> <p>Pemain sektor pelancongan di negeri Johor yang layak mendapat bantuan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 boleh membuat permohonan secara atas talian bermula Selasa ini.</p> <p>Kerajaan negeri melalui Tourism Johor komited akan melaksanakan pemberian Insentif One-Off dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.74 juta kepada kumpulan sasar.</p> <p>Sebanyak 267 pengusaha hotel bajet yang berdaftar masing-masing akan menerima bantuan RM2,000 manakala 551 pengusaha inap desa yang</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/pengusaha-pelancongan-boleh-mohon-ihsan-johor-3-0-bermula-selasa/

		berdaftar masing-masing mendapat bantuan sebanyak RM1,000.	
3.	Bernama 13 Jun 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Rayuan BPR dibuka mulai 15 Jun ini - Tengku Zafrul</p> <p>Tempoh rayuan bagi permohonan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang tidak diluluskan akan dibuka mulai 15 hingga 30 Jun ini.</p> <p>Sebanyak RM2.1 bilion BPR Tambahan diperuntukkan untuk membantu penerima BPR 2021 sedia ada.</p> <p>Permohonan rayuan boleh dibuat menerusi beberapa kaedah iaitu secara dalam talian atau penghantaran borang rayuan BPR 2021 secara manual di cawangan atau Pusat Khidmat Hasil (PKH) atau di Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM yang berhampiran.</p>	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1971460
4.	Berita Harian 13 Jun 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Kelantan peruntuk RM4.5 juta untuk ibu tunggal</p> <p>Kerajaan negeri memperuntukkan RM4.5 juta tahun ini bagi membantu asnaf khususnya wanita dan ibu tunggal yang terkesan susulan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.</p> <p>Sumbangan berkenaan akan diagihkan bermula Julai ini melalui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di seluruh negeri kepada golongan asnaf dan miskin terdiri daripada armalah (ibu tunggal), anak yatim.</p>	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/06/827454/kelantan-peruntuk-rm45-juta-untuk-ibu-tunggal

5.	Harian Metro 14 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	Fi, caj perkidmatan program LPPKN dikecualikan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui LPPKN memberi pengecualian bayaran fi dan caj bagi beberapa program dan perkhidmatannya. Pengecualian ini membabitkan fi dan caj untuk produk dan perkhidmatan reproduksi manusia serta pendaftaran dan perkhidmatan kaunseling. Selain itu, potongan sebanyak 50 peratus fi dan caj asal bagi kursus, bengkel dan latihan yang dijalankan secara dalam talian. Pengecualian ini dijangka dapat memberi manfaat kepada lebih 50,000 orang yang memerlukan perkhidmatan di Klinik Nur Sejahtera (KNS) di bawah LPPKN.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/717675/fi-caj-perkidmatan-program-lppkn-dikecualikan
----	--	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Persatuan PKS Malaysia mencadangkan supaya PKP dilaksanakan secara menyeluruh selama satu bulan dengan menutup sepenuhnya semua aktiviti ekonomi termasuk sektor pembuatan. Manakala sektor perkhidmatan perlu seperti pertanian dan rantai bekalan makanan dibenarkan beroperasi pada kapasiti 50%.
2. Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 merupakan usaha kerajaan negeri melalui Tourism Johor yang akan melaksanakan pemberian Insentif One-Off sebanyak RM1.74 juta kepada pengusaha pelancongan yang terkesan akibat PKP 3.0.
3. Rayuan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) berjumlah RM2.1 billion bagi rakyat yang terjejas dibuka 15 – 30 Jun melalui atas talian di portal LHDN atau secara manual di mana-mana cawangan LHDNM terdekat secara temu janji.
4. Kerajaan Negeri Kelantan memberikan bantuan khas kepada golongan asnaf dan miskin terdiri daripada armalah (ibu tunggal) dan anak yatim. Jumlah bantuan khas ini adalah sebanyak RM4.5 juta yang akan diberikan bermula pada Julai 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penutupan sepenuhnya aktiviti ekonomi dijangka memberi kesan kepada ekonomi seperti yang berlaku pada tahun 2020 di mana KDNK Negara menyusut 5.6 peratus. KDNK Negara kembali dalam landasan pemulihan apabila ekonomi dibuka secara beransur-ansur dengan pematuhan kepada SOP yang ketat. Pada ST1 2021, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan marginal negatif 0.5% berbanding negatif 3.4% pada suku tahun sebelumnya.
2. Insentif kepada pengusaha pelancongan akan memberi impak kepada usaha pemulihan dan meneruskan kelangsungan industri di dalam ekonomi. Pada 2020, sektor perkhidmatan makanan & minuman dan penginapan mencatatkan penyusutan 50.3% dan pada ST1 2021 masih kekal merosot pada 59.1%.
3. Bantuan kewangan yang disalurkan oleh kerajaan seperti BPR dan bantuan khas dari kerajaan negeri akan membantu isi rumah khususnya kepada golongan B40 di seluruh negara ekoran lanjutan pelaksanaan PKP 3.0. Bantuan ini dijangka dapat membantu menggerakkan segmen perbelanjaan isirumah.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Utusan Malaysia 11 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Potensi besar kerjasama Malaysia-Indonesia jika industri vape dikawal selia <p>Kerajaan Malaysia diminta segera perkenalkan peraturan untuk mengawal selia produk vape di negara ini, berikutan banyak syarikat di Indonesia berminat mengembangkan perniagaan mereka serta melabur di Malaysia.</p> <p>Pada 2019, industri ini telah menyumbangkan hasil cukai berjumlah 500 bilion rupiah (RM150 juta) kepada kerajaan Indonesia.</p>	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/06/potensi-besar-kerjasama-malaysia-indonesia-jika-industri-vape-dikawal-selia/

2.	<p>Berita Harian 11 Jun 2021 (<i>Non-Essential</i>)</p>	<p>Imuniti kelompok kunci ekonomi kembali normal</p> <p>Sektor ekonomi boleh beroperasi seperti sedia kala sekiranya Malaysia mencapai imuniti kelompok. Pada 31 Mei lalu, kerajaan mengumumkan PEMERKASA+ bernilai RM40 bilion, yang menjadi pelengkap kepada pakej bantuan dan rangsangan ekonomi terdahulu yang matlamat utamanya meningkatkan kapasiti kesihatan awam dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion, meneruskan agenda Prihatin sebanyak RM33 bilion dan menyokong kelangsungan perniagaan sebanyak RM6 bilion.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/826480/imuniti-kelompok-kunci-ekonomi-kembali-normal</p>
3.	<p>Berita Harian 11 Jun 2021</p>	<p>Ekonomi Malaysia dijangka lebih baik pada separuh kedua</p> <p>Ekonomi Malaysia dijangka mampu berkembang lebih baik pada separuh kedua 2021, disokong permintaan luaran meskipun penyebaran pandemik masih belum berakhir. Pertumbuhan kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara ini akan mencatatkan pertumbuhan positif iaitu sebanyak 11 peratus pada suku kedua 2021 meskipun berdepan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh pada Jun.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/826493/ekonomi-malaysia-diangka-lebih-baik-pada-separuh-kedua</p>

4.	Sunday Strait Times 13 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Second-hand car sales booming despite COVID-19 pandemic</p> <p>Despite our country was hit by COVID-19, sales of used car increased 20 per cent this year. From January until May 2021, a total of 347,000 used cars were sold.</p> <p style="text-align: center;">20pc INCREASE</p> <p style="text-align: center;">Second-hand car sales booming despite Covid-</p> <p>KUALA LUMPUR: Though impacted by the Covid-19 pandemic, second-hand car sales in the country increased by 20 per cent this year.</p> <p>Federation of Motor & Credit Council of Malaysia (FMCCAM) president Datuk Tony Khor Chong Boon said between January and May this year, 347,000 used cars were sold.</p> <p>"This may be due to several government measures that allow people needing personal transport during the pandemic, which saw an increase in the number of business increasing instead of dropping," he said at the 48th FMCCAM Annual General Meeting (AGM), held virtually yesterday.</p> <p>He said second-hand car organisations were also continuing operations during the pandemic, thanks to the Transport Ministry allowing the permanent transfer of vehicles to be conducted online.</p> <p>"With the comprehensive ownership transfer system, we saved RM100 million in expenses. Last year alone, 347,000 units of ownership transfer were done via the online system. This ownership transfer involved two parties, namely the seller and the buyer. Many people did not need to go to the Transport Ministry's Road Tax and Vehicle Department (RTD) in person for ownership transfer," he said.</p> <p>"For the first five months of this year, 347,000 units of ownership transfer were performed online. If there is no online system, I believe our business will be further affected by the pandemic."</p> <p>Datuk Tony Khor Chong Boon</p> <p>Because of this system, we are able to carry on with our business."</p> <p>Khor also proposed that the Transport Ministry allow second-hand car dealers to provide roadside assistance services for road tax and vehicle owners (VOC) to complete the entire process.</p> <p>"There are more than 100 branches nationwide and is more than happy to provide such services across the country for the pricing of road tax and VOC."</p> <p>"The government would not intend to charge any fees and consumers would bear all the expenses in setting up such kiosks without passing the costs to consumers. Saving our time and our customers' time means to us."</p> <p>He said FMCCAM has suggested the ministry consider setting up a committee comprising industry players and a dedicated inspection centre.</p> <p>"FMCCAM is willing to provide continuous feedback on the new rule rollouts."</p> <p>Transport Minister Dr Wee Ka Siong, w the AGM, said he was encouraged by the technology as the way he had laid a good foundation for the industry and its challenges.</p> <p>"The Auto system, developed from scratch, something new is task, but look at the day."</p>	
5.	Berita Harian 14 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>PASARAN getah Malaysia dijangka didagangkan dalam jajaran kecil.</p> <p>Pasaran getah Malaysia dijangka didagangkan dalam jajaran kecil pada minggu hadapan dengan kecenderungan ke arah harga serta permintaan yang lebih rendah. Bekalan lateks pukal yang lebih kukuh akan menurunkan harga, manakala permintaan adalah agak lembap di hadapan pasaran yang terlebih bekalan.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/143756/BISNES/Pasaran-getah-dijangka-didagangkan-dalam-jajaran-kecil
6.	Kosmo 14 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Harga siling minyak masak 5kg mungkin ditetapkan</p> <p>Kerajaan mungkin menetapkan harga siling minyak masak lima kilogram (5kg) berikutnya meningkat mendadak harga minyak masak tersebut.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/06/12/harga-siling-minyak-masak-5kg-mungkin-ditetapkan/

7.	Kosmo 14 Jun 2021	Malaysia berada pada fasa pemulihan Penarafan A3 kepada Malaysia oleh laporan Moody's Investors Service baru-baru ini mencerminkan ekonomi negara berada pada landasan pemulihan. Antara faktor dirujuk termasuk kepelbagaiannya, daya saing, skala ekonomi bersaiz sederhana yang besar, sumber semula jadi mencukupi dan prospek pertumbuhan jangka sederhana yang kukuh.	https://www.kosmo.com.my/2021/06/11/malaysia-berada-pada-fasa-pemulihan/
Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan			
8.	Astro Awani 12 Jun 2021 (Essential)	Pengangkutan awam, termasuk teksi dan e-hailing dibenar beroperasi sepanjang PKP 3.0 Semua perkhidmatan awam termasuk teksi dan e-hailing dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dari 15 Jun sehingga 28 Jun 2021.	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengangkutan-awam-termasuk-teksi-dan-ehailing-dibenar-beroperasi-sepanjang-pkp-30-302884
9.	Utusan Malaysia 13 Jun 2021 (Essential)	Pendapatan pemandu teksi terjejas lebih 80 peratus Pemandu teksi di negeri Johor memohon Kerajaan Negeri mempertimbang memberikan bantuan kepada golongan itu ekoran lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/pendapatan-pemandu-teksi-terjejas-lebih-80-peratus/

	Subsektor Kesihatan		
10.	New Straits Times 12 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>'Doctors not linked to NIP queue jump'</p> <p>The Association of Private Hospitals Malaysia denies that doctors in private practice are enabling people to jump National Immunisation Programme (NIP) queues by placing them on the standby list of the Covid-19 vaccine.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/698079/doctors-not-linked-nip-queue-jump
11.	Sinar Harian 12 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Vaksin Sinovac</p> <p>Hospital UCSI menggunakan Vaksin COVID-19 jenis Sinovac ke atas pengamal media. Hospital UCSI di Bandar Springhill PortDickson merupakan antara lima hospital swasta terbesar di Negeri Sembilan yang terpilih sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) COVID-19.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/143794/GALERI/Vaksin-Sinovac
12.	New Straits Times 13 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Private hospital jabs unlikely this year</p> <p>It is unlikely that Covid-19 vaccines will be made available at private health facilities in the country this year. Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) president Datuk Dr Kuljit Singh said the authorities had to investigate the registration and approvals of the Sputnik and CanSino vaccines, which were under the National Covid-19 Immunisation Programme (NIP), before weighing applications from Zuellig Pharma (for the Moderna</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/698318/private-hospital-jabs-unlikely-year

		<p>vaccine) or Johnson & Johnson (for the Janssen vaccine).</p> <p>Most private hospitals had also dropped the idea of purchasing Covid-19 vaccine stocks this year due to storage and logistical issues.</p>	
	Subsektor Penginapan		
13.	Sinar Harian 12 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Lanjut PKP: Banyak lagi hotel bakal masuk 'ICU'</p> <p>Lanjutan dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 selama 14 hari lagi bakal memberi impak berterusan kepada perkembangan industri hotel dan resort. Ini kerana, kos utiliti yang masih tiada pengurangan, subsidi upah belum diterima dan pelbagai masalah lain yang dihadapi oleh industri ini akan mengundang penutupan operasi hotel dan pemberhentian pekerja.</p> <p>Sehubungan itu, inisiatif lain perlu dilaksanakan bagi membendung masalah yang dihadapi dengan membuka semula secara bersasar dan berperingkat rentas daerah bagi produk pelancongan dan pulau peranginan kepada rakyat yang telah mengambil dos kedua vaksin Covid-19.</p> <p>Selain itu, Pakej Rangsangan Bantuan Khas kepada pemain dan pengusaha industri pelancongan secara terus sehingga Disember 2021, penangguhan caruman KWSP untuk pekerja dan majikan serta diskaun 50 peratus bagi bayaran utiliti elektrik dan air kepada</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/143847/BERITA/Semasa/Lanjut-PKP-Banyak-lagi-hotel-bakal-masuk-ICU

		pengusaha produk pelancongan antara lain yang boleh dipertimbangkan.	
14.	EdgeProp 12 Jun 2021 (Essential)	<p>Tough times for hotel sector set to continue</p> <p>The hotel sector is in bad shape, and it does not seem that things will change any time soon. Malaysian Association of Hotels (MAH) vice-president C S Lim told that this year, the situation is already worse than in 2020 in many ways, with the average occupancy rate (AOR) hovering at a low 20%, and even that is mainly contributed by [occupants at] quarantine hotels.</p> <p>Furthermore, the government has expanded travel bans, including inter-country bans, which have had a deeper economic impact on businesses and individuals, especially in the hotel industry. As a result, the overall AOR and average daily rate (ADR) in 2021 are expected to be lower than last year's.</p>	https://www.edgeprop.my/content/186205/tough-times-hotel-sector-set-continue

Penemuan penting & isu:

1. Industri vape/ rokok elektronik di Malaysia akan mendapat peluang pelaburan daripada syarikat vape dari Indonesia sekiranya peraturan untuk mengawal selia produk vape di negara ini diperkenalkan.
2. Sektor ekonomi boleh beroperasi semula seperti sedia kala sekiranya Malaysia mencapai imuniti kelompok.
3. Pertumbuhan kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara ini dijangka akan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 11 peratus pada suku kedua 2021.
4. *Used-car industry registered a double-digit growth of 20% this year despite COVID-19 crisis, as used-car businesses were able to continue to operate using comprehensive online car ownership transfer.*

5. Pasaran getah Malaysia dijangka didagangkan dalam jajaran kecil pada minggu hadapan.
6. Kerajaan mungkin menetapkan harga siling minyak masak lima kilogram (5kg) berikutan peningkatan mendadak harga bahan tersebut.
7. Ekonomi negara berada pada landasan pemulihan disebabkan faktor kepelbagaian, daya saing, skala ekonomi bersaiz sederhana yang besar, sumber semula jadi mencukupi dan prospek pertumbuhan jangka sederhana yang kukuh.
8. Semua perkhidmatan pengangkutan awam termasuk teksi dan *e-hailing* dibenarkan beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) yang dilanjutkan sehingga 28 Jun 2021. Setiap kenderaan penumpang juga dihadkan kepada tiga individu iaitu seorang pemandu dan dua penumpang termasuk bagi kenderaan bersaiz lebih besar seperti 4WD dan van.
9. Majoriti daripada pemandu teksi kehilangan pendapatan lebih daripada 80 peratus sejak pandemik Covid-19 melanda Negara manakala semenjak bermulanya PKP 3.0 terdapat pemandu hanya memperoleh pendapatan RM10 sehari kerana kekurangan penumpang dan kadangkala tiada penumpang.
10. Menurut APHM, adalah mustahil bagi doktor PPV swasta untuk memvaksinasi orang mengikut kehendak sendiri kerana semuanya dipantau oleh Kementerian Kesihatan, yang memiliki vaksin Covid-19.
11. Semua hospital swasta yang dijadikan pusat vaksinasi mempunyai senarai *standby* yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa untuk mengambil slot vaksinasi tidak hadir.
12. Hospital UCSI di Bandar Springhill, Port Dickson antara lima hospital swasta terbesar di Negeri Sembilan yang terpilih sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) COVID-19.
13. *The situation is already worse than in 2020 in many ways, with the average occupancy rate (AOR) hovering at a low 20%, and even that is mainly contributed by [occupants at] quarantine hotels.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Permintaan terhadap kereta terpakai meningkat semasa COVID-19, didorong pelbagai faktor, antaranya insentif pengecualian cukai daripada Kerajaan.

2. Kebenaran beroperasi yang dibenarkan kepada pengangkutan awam, termasuk teksi dan e-hailing sepanjang pelaksanaan tempoh PKP 3.0 menyebabkan perkhidmatan operasi teksi dan limosin (49224) dalam segmen Pengangkutan Darat masih mempunyai pendapatan walaupun terjejas dalam tempoh ST2 2021.
3. Sektor ekonomi yang boleh beroperasi semula seperti sedia kala apabila Malaysia mencapai imuniti kelompok akan memulihkan semula ekonomi negara terutama sektor perkhidmatan yang berkaitan pelancongan setelah merosot 2 digit sepanjang tahun 2020.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 11 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Sabah enforces temporary ban on scrap iron export</p> <p>Sabah has temporarily banned the export of scrap iron to ensure sufficient raw materials are available to sustain the operations of the local steel industry.</p> <p>The ban would be lifted when a mechanism for the imposition of state sales tax of RM200 per metric tonne on scrap iron exports had been formulated.</p> <p>However, exports of other scrap metals such as copper, aluminium, precious metals such as platinum and gold, titanium and stainless steel are exempted from the ban.</p> <p>As resources could not be increased drastically as Sabah did not have steel mines, it was critical that the resources be retained for value-added purposes.</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1971061

2.	<p>Berita Harian 13 Jun 2021 (<i>Non-Essential</i>)</p>	<p>Permintaan sarung tangan kekal tinggi</p> <p>Permintaan terhadap sarung tangan getah masih kukuh dan dijangka terus mencatatkan pertumbuhan dua angka meskipun pasca-COVID-19.</p> <p>Sebelum pandemik, permintaan terhadap sarung tangan getah mencatatkan pertumbuhan baik iaitu antara lapan hingga 10 peratus dalam tempoh 15 ke 16 tahun lalu.</p> <p>Justeru, ia terus optimis terhadap permintaan sarung tangan getah pasca-COVID-19 dan ia dijangka lebih tinggi berbanding sebelum pandemik dengan anggaran pertumbuhan antara 12 hingga 15 peratus tahun ini.</p> <p>Penggunaan sarung tangan getah global dijangka meningkat kepada 25 pasang perkapita didorong penggunaan sarung tangan lebih tinggi di pasaran eksport utama negara seperti Amerika Syarikat (AS) dan Eropah serta pasaran baru muncul, terutama di rantau Asia.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/827406/permintaan-sarung-tangan-kekal-tinggi</p>
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sabah telah melarang eksport besi buruk buat sementara waktu untuk memastikan bahan mentah mencukupi untuk menampung operasi industri keluli tempatan. Larangan itu akan diangkat apabila mekanisme untuk mengenakan cukai penjualan negeri sebanyak RM200 per metrik tan pada eksport besi buruk berjaya dirumuskan. Walau bagaimanapun, eksport logam sekerap lain seperti tembaga, aluminium, logam berharga seperti platinum dan emas, titanium dan keluli tahan karat dikecualikan daripada larangan tersebut. 			

2. Permintaan terhadap sarung tangan getah masih kukuh dan dijangka terus mencatatkan pertumbuhan dua angka meskipun pasca-COVID-19. Sebelum pandemik, permintaan terhadap sarung tangan getah mencatatkan pertumbuhan baik iaitu antara lapan hingga 10 peratus dalam tempoh 15 ke 16 tahun lalu. Penggunaan sarung tangan getah global dijangka meningkat kepada 25 pasang perkapita didorong penggunaan sarung tangan lebih tinggi di pasaran eksport utama negara seperti Amerika Syarikat (AS) dan Eropah serta pasaran baru muncul, terutama di rantau Asia.

Maklumbalas Bahagian:

- Nilai eksport HS code 7204; *ferrous waste and scrap; remelting scrap ingots of iron or steel* yang terkandung di dalamnya besi buruk bagi April 2021 adalah RM13.88 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM97.4 juta atau 87.5 peratus berbanding bulan sebelumnya.
- Nilai eksport sarung tangan getah bagi April 2021 adalah RM6,698 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM303.0 juta atau 4.7 peratus bulan ke bulan. Volum eksport bagi sarung tangan getah adalah 90.8 ribu tan metrik dan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.15 ribu tan metrik atau 2.4 peratus. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport sarung tangan getah dengan nilai eksport bagi April adalah RM 2,545.1 juta diikuti Jerman (RM469.8 juta) dan Jepun (RM381.1 juta).

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 11 Jun 2021 (non-essential)	PKP 3.0: 69 tapak pembinaan diarah tutup, gagal patuhi SOP - CIDB Malaysia Sebanyak 69 tapak pembinaan diarah tutup kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 bermula 1 Jun lalu.	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-30-69-tapak-pembinaan-diarah-tutup-gagal-patuhi-sop-cidb-malaysia-302672
2.	Sarawak Voice 12 Jun 2021 (non-essential)	DBKU tidak benarkan semua sektor pembinaan beroperasi hingga 28 Jun Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) tidak membenarkan semua sektor pembinaan untuk	https://sarawakvoice.com/2021/06/12/dbku-tidak-benarkan-semua-sektor-pembinaan-beroperasi-hingga-28-jun/

		beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan bermula 15 Jun hingga 28 Jun.	
3.	The Edge 11 June 2021 (essential)	<p>90 foreign workers tested Covid-19 positive at furniture maker Sern Kou</p> <p>Sern Kou Resources Bhd has announced that 90 employees in its wholly-owned subsidiary Sern Kou Furniture Industries Sdn Bhd have been tested Covid-19 positive in Muar.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/90-foreign-workers-tested-covid19-positive-furniture-maker-sern-kou
4.	The Edge 12 June 2021 (essential)	<p>PIKAS to be launched as Phase 4 of National Covid-19 Immunisation Programme from June 16</p> <p>Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) for the manufacturing sector will be launched as Phase 4 of the National Covid-19 Immunisation Programme (PICK), beginning on June 16.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/pikas-be-launched-phase-4-national-covid19-immunisation-programme-june-16
5.	The Edge 12 June 2021 (non-essential)	<p>FMM says RM200b govt stimulus package needed to help businesses survive extended lockdown</p> <p>The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) is calling on the government to pump-prime the economy with a RM200 billion stimulus package and a RM30 billion direct fiscal injection, following the extension of the movement control order (MCO) 3.0 will have a devastating impact on small and medium enterprise (SME) manufacturers that are just</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/fmm-says-rm200b-govt-stimulus-package-needed-help-businesses-survive-extended-lockdown

		starting to show signs of recovery following the pandemic and previous MCOs.	
6.	The Edge 12 June 2021 (essential)	<p>Current CIMS approval letter valid through extended MCO 3.0 period</p> <p>The letter of approval that companies previously obtained via the Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) for the movement control order (MCO) 3.0 beginning June 1 will be valid throughout the two-week extension period from June 15 to June 28, according to the Ministry of International Trade and Industry (MITI) today.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/current-cims-approval-letter-valid-through-extended-mco-30-period

Penemuan penting & isu:

1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia memaklumkan, sebanyak 1,088 tapak pembinaan diperiksa sepanjang 10 hari pelaksanaan PKP dilaksanakan. 944 tapak pembinaan daripadanya tidak beroperasi, 75 tapak pembinaan didapati mematuhi SOP yang ditetapkan manakala 69 tapak pembinaan gagal untuk mematuhi SOP.
2. Pengarah DBKU, Dr Morshidi Ahmad hanya membenarkan kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan kritikal di tapak binaan sahaja kerana dikhuatiri jika kerja pembinaan atau penyelenggaraan yang tertangguh boleh mendatangkan bahaya atau kemudaratan kepada orang awam dan persekitaran.
3. *The furniture maker Sern Kou was instructed by Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) to temporarily stop its operations from June 11 until June 17, 2021, unless it receives further advice or instruction from KKM. Sern Kou is expected to resume its operations in stages after the end of the FMCO period, by strictly adhering to KKM's guidelines and Covid-19 preventive standard operating procedures (SOPs). Meanwhile, other unaffected production facilities at different locations in Malaysia will continue to remain in full operation except during the FMCO period.*
4. *The Ministry of International Trade and Industry (MITI) said PIKAS will be implemented with on-site vaccination at designated factories and industrial locations. Companies in critical manufacturing sub-sectors, including electrical and electronics (E&E), food processing, iron and steel, medical devices, personal protective equipment (PPE), oil and gas (O&G), and the rubber product*

(including medical glove manufacturing) sub-sectors will be prioritised for vaccination.

5. *The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) said about 80% of all businesses fall under the non-essential sectors and are not allowed under the extended lockdown period, while the essential sectors are only allowed to operate at 60% capacity, which would cripple the entire manufacturing sector and its contribution to global supply chains.*
6. *The letter of approval that companies previously obtained via the Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) for the movement control order (MCO) 3.0 beginning June 1 will be valid throughout the two-week extension period from June 15 to June 28, according to the Ministry of International Trade and Industry (MITI) today. The standard operating procedures (SOPs) remain unchanged from what were announced previously for the June 1 to June 14 period.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Tempoh 10 hari pelaksanaan PKP menunjukkan sebanyak 86.8 peratus tapak pembinaan tidak beroperasi daripada keseluruhan tapak pembinaan yang diperiksa oleh CIDB. Selain itu, arahan DBKU juga tidak membenarkan semua aktiviti pembinaan selain aktiviti pembinaan kritikal dilanjutkan sehingga 28 Jun 2021. Ianya sekaligus akan memberi kesan besar kepada penurunan dalam nilai kerja yang dilaksanakan pada tempoh tersebut. Bahagian mengambil perhatian berkenaan perkara ini yang akan memberi impak kepada kemerosotan prestasi sektor pembinaan pada suku kedua 2021.
2. Sern Kou akan menghentikan operasinya dari 11 Jun hingga 17 Jun 2021 dan dijangka akan meneruskan operasinya secara berperingkat setelah berakhirnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKPP) dan ini akan memberi kesan kepada industri perabot di Muar, Johor.
3. Syarikat-syarikat dalam subsektor pembuatan yang penting, iaitu elektrik dan elektronik (E&E), pemprosesan makanan, besi dan keluli, alat perubatan, peralatan pelindung diri (PPE), minyak dan gas (O&G), dan produk getah (termasuk pembuatan sarung tangan perubatan) sub-sektor akan diutamakan untuk vaksinasi bermula 16 Jun 2021 akan mendorong kepada kestabilan pengeluaran seterusnya mendorong kepada prestasi lebih baik segmen Pembuatan.
4. Bahagian sedang meneliti perkembangan sektor penting yang menghadapi cabaran besar untuk beroperasi kerana mereka tidak dapat mengekalkan operasi kapasiti 60% kerana sebahagian daripada rantai bekalan mereka yang membekalkan bahan mentah dan perkhidmatan telah dilarang untuk

<p>beroperasi walaupun terdapat rayuan berulang kali yang disokong oleh pelanggan mereka dari sektor penting.</p> <p>5. Bahagian mengambil maklum bahawa surat kelulusan yang sebelumnya diperoleh syarikat melalui COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) untuk perintah kawalan pergerakan (MCO) 3.0 mulai 1 Jun akan sah sepanjang tempoh lanjutan dua minggu dari 15 Jun hingga 28 Jun.</p>			
E.	Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 10 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>KDN pantau rapi kelulusan MyTravelPass - Hamzah</p> <p>Kementerian Dalam Negeri (KDN) tegas dalam memberikan kelulusan MyTravelPass bagi menghalang penularan wabak COVID-19 dalam kalangan rakyat Malaysia dan memantau jumlah ketibaan dan pelepasan warga Malaysia dan warga asing terutama dalam tempoh pandemik COVID-19. Permohonan MyTravelPass warganegara Malaysia yang diluluskan ialah 38,315 manakala ditolak permohonan ialah sebanyak 12,767. Jabatan Imigresen (JIM) memainkan peranan penting dalam mengawal pergerakan keluar masuk ke dalam negara. Terdapat 111 pintu masuk negara yang aktif dan diwartakan di seluruh negara, terdiri daripada 54 pintu masuk laut, 29 pintu masuk udara dan 28 pintu masuk darat. Terkini, seramai 944,614 warganegara Malaysia yang kembali ke tanah air manakala warganegara asing yang masuk ke negara ialah seramai 240,406. Kerajaan telah melaksanakan sekatan melalui dasar kawalan sempadan</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kdn-pantau-rapi-kelulusan-mytravelpass-hamzah-302604

		terhadap 23 negara berisiko tinggi dan bermula 28 April lalu, termasuk arahan sekatan penuh ke atas warganegara India dan penerbangan dari negara itu dalam mengawal penularan <i>Varian of Concern</i> atau VOC di negara ini.	
2.	Malaysiakini 13 Jun 2021 (Non-Essential)	<p>Malaysia tak hantar jemaah haji tahun ini</p> <p>Malaysia tidak akan menghantar jemaah haji bagi Musim Haji 1442H berikutan keputusan kerajaan Arab Saudi yang hanya membenarkan ibadah itu dilaksanakan oleh warganegara dan penduduk negara lain yang telah berada dalam negara tersebut. Perkara ini disebabkan oleh situasi semasa pandemik COVID-19 terutamanya kemunculan varian baharu yang membimbangkan di seluruh dunia. Lembaga Tabung Haji akan menguruskan segala urusan rakyat Malaysia yang telah berada di sana selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Arab Saudi. Status kesihatan mereka yang berhasrat mendaftar bagi menunaikan Haji 1442 perlu memenuhi kategori berikut iaitu orang yang sudah menerima vaksin, penerima vaksin yang telah menerima satu dos dan selepas 14 hari atau penerima vaksin yang sembah daripada jangkitan.</p>	https://www.malaysiakini.com/news/578683

3.	New Straits Times 14 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Aircraft fleet should remain in operational condition Airlines and operators must ensure fleets remain in operational condition despite the grounding of commercial and business aircraft resulted from the worldwide travel restriction. The move would be vital for airlines in preparing the expected return of air travel. There is a delicate balance to strike, making sure the fleet is in operational standards while keeping a watchful eye on things like cost. However, the fragility of the ongoing pandemic situation would make it even more challenging for airlines to prepare their fleet for flight. The aviation industry will continue to be impacted by revenue concerns amid the need for continued innovation and diversification. The industry needs to pull together a concerted effort to work towards what a post-pandemic aviation landscape will look like and work together to chart a plan towards recovery.	https://www.nst.com.my/business/2021/06/698581/aircraft-fleet-should-remain-operational-condition
----	---	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) tegas dalam memberikan kelulusan MyTravelPass bagi menghalang penularan wabak COVID-19 dalam kalangan rakyat Malaysia. Terdapat 111 pintu masuk negara yang aktif dan diwartakan di seluruh negara. Kerajaan telah melaksanakan sekatan melalui dasar kawalan sempadan terhadap 23 negara berisiko tinggi dan arahan sekatan penuh oleh JIM bermula 28 April lalu, dikeluarkan ke atas warganegara India termasuk penerbangan dari negara itu dalam mengawal penularan *Varian of Concern* atau VOC di Malaysia.
2. Malaysia tidak akan menghantar jemaah haji bagi Musim Haji 1442H berikutan keputusan kerajaan Arab Saudi yang hanya membenarkan ibadah itu dilaksanakan oleh warganegara dan penduduk negara lain yang telah berada dalam negara

tersebut. Ini disebabkan oleh situasi semasa pandemik COVID-19 yang membimbangkan di seluruh dunia. Lembaga Tabung Haji akan menguruskan segala urusan rakyat Malaysia yang telah berada di sana dan terpilih untuk menunaikan ibadah haji.

3. Syarikat penerbangan perlu memastikan pesawat kekal beroperasi walaupun pendaratan bagi tujuan komersial dan perniagaan terjejas disebabkan sekatan perjalanan di seluruh dunia. Perkara ini sangat penting agar syarikat penerbangan bersiap sedia terhadap jangkaan luar kawalan bagi perjalanan udara. Situasi pandemik COVID-19 yang masih berterusan akan menyebabkan syarikat penerbangan sukar untuk kekal beroperasi secara optimum dan perkara ini akan mempengaruhi pendapatan industri penerbangan pada tahap membimbangkan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Ketegasan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam memberikan kelulusan MyTravelPass dan keputusan Kerajaan Arab Saudi yang hanya membenarkan ibadah haji tahun ini dilaksanakan oleh warganegara dan penduduk negara lain yang telah berada dalam negara tersebut akan memberi kesan kepada penyusunan komponen Perjalanan dalam statistik Imbalan Pembayaran secara keseluruhannya. Pada suku pertama tahun 2021, komponen Perjalanan mencatatkan defisit RM3.4 bilion berbanding defisit RM3.3 bilion pada suku sebelumnya.
2. Syarikat penerbangan disarankan untuk kekal beroperasi walaupun pendaratan bagi tujuan komersial dan perniagaan terjejas disebabkan oleh sekatan perjalanan di seluruh dunia. Situasi pandemik COVID-19 yang masih berterusan menyukarkan syarikat penerbangan untuk kekal beroperasi secara optimum. Perkara ini akan memberi kesan terhadap penyusunan komponen Pengangkutan dan Perkhidmatan penyenggaraan & pembaikan dalam statistik akaun Perkhidmatan. Pada suku pertama tahun 2021, eksport Pengangkutan meningkat kepada RM3.4 bilion berbanding RM3.3 bilion pada suku sebelumnya. Sementara, import pengangkutan meningkat kepada RM11.1 bilion berbanding RM10.8 bilion pada suku sebelumnya.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 11 Jun 2021 (essential)	Industri kreatif tempatan raih RM42 juta dalam jualan, peluang komersial Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/industri-kreatif-tempatan-raih-rm42-juta-dalam-jualan-

	<p>membantu lapan syarikat animasi dan satu syarikat permainan menjana kira-kira RM42 juta dalam peluang komersial dan jualan di Sidang Kemuncak Virtual Kidscreen 2021 yang berlangsung baru-baru ini.</p> <p>MDEC membimbang sembilan syarikat kreatif itu melalui keputusan penting dan pencetus perjanjian perniagaan untuk membina rangkaian dan memacu perniagaan mereka ke hadapan mengenai perniagaan berkaitan hiburan untuk kanak-kanak.</p> <p>Syarikat-syarikat itu meraih RM27.3 juta dalam peluang komersial dan jualan sebenar berjumlah RM15.1 juta. Antara syarikat itu ialah Monsta, Lemon Sky, Lil Critter, Giggle Garage, Skyline Interactive, Anima Vitae Point, Pixelline Studios, Animasia Studios dan Common Extract.</p>	<u>peluang-komersial-mdec-302740</u>
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Industri kreatif tempatan melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) membantu lapan syarikat animasi dan satu syarikat permainan meraih RM42 juta dalam peluang komersial dan jualan di Sidang Kemuncak Virtual Kidscreen 2021. MDEC telah membimbang sembilan syarikat kreatif itu melalui perjanjian perniagaan untuk membina rangkaian dan memacu perniagaan berkaitan hiburan untuk kanak-kanak. Antara syarikat itu ialah Monsta, Lemon Sky, Lil Critter, Giggle Garage, Skyline Interactive, Anima Vitae Point, Pixelline Studios, Animasia Studios dan Common Extract.

Maklumbalas Bahagian:

1. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) merupakan agensi utama yang melaksanakan transformasi ekonomi digital dan Industri kreatif tempatan negara selari dengan meningkatkan digitalisasi dan kemahiran tenaga kerja. Seterusnya mencipta peluang pekerjaan pada waktu norma baharu ini dan membantu melonjakkan ekonomi negara terutamanya melalui

<p>animasi dan aplikasi permainan kanak-kanak. Pada ST1 2021 sumbangan sektor Maklumat dan Komunikasi kepada KDNK Negara adalah sebanyak 6.4 peratus berbanding 6.1 peratus pada ST4 2020.</p>			
G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Kosmo 10 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Harga bahagian korban lebih mahal</p> <p>Setiap kali menjelang musim perayaan, harga barang pasti meningkat. Tinjauan Kosmo! Di Selangor, Johor, Perak dan Pulau Pinang mendapati harga satu bahagian lembu dan kambing korban sempena Hari Raya Aidil-adha pada bulan hadapan didapati naik antara RM50 hingga RM100.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/06/10/harga-bahagian-korban-lebih-mahal/
2.	Labur Global 11 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Harga Minyak Susut, Namun Masih Dalam Haluan Pengukuhan Buat Minggu Ketiga Susulan Pemulihan Permintaan</p> <p>Harga minyak mentah kini berada dalam haluan pengukuhan buat minggu ketiga berturut-turut selepas mendaki melepasinya paras \$70 setengah pada minggu ini susulan petanda tinjauan permintaan yang semakin bertambah baik.</p> <p>Niaga hadapan Brent susut 4 sen, atau 0.06% kepada \$72.48 setengah pada jam 2.58 pm GMT+8, selepas ditutup pada harga tertinggi sejak Mei 2019 pada hari Khamis.</p>	https://laburglobal.com/2021/06/11/harga-minyak-susut-namun-masih-dalam-haluan-pengukuhan-buat-minggu-ketiga-susulan-pemulihan-permintaan/

3.	<p>Labur Global 12 Jun 2021 (Essential)</p>	<p>Hasil Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit Malaysia Pada 2021 Dilihat Bakal Mengukuh Berikutan Cuaca & Hasil yang Baik: MPOB</p> <p>Data utama minyak sawit mentah (CPO) Malaysia dilihat bakal mengukuh pada 2021 berbanding tahun lalu, dipacu oleh prospek industri yang bertambah baik berikutan keadaan cuaca dan hasil yang baik, kata Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Ahmad Parveez Ghulam Kadir.</p> <p>Ketua Pengarah MPOB memaklumkan, pengeluaran CPO Malaysia, kadar perahan minyak (OER) dan eksport minyak sawit akan kekal pada paras yang tinggi pada tahun ini, dengan India sebagai pendahulu dalam penggunaan minyak sayuran global itu.</p>	<p>https://laburglobal.com/2021/06/12/hasil-pengeluaran-minyak-kelapa-sawit-malaysia-pada-2021-dilihat-bakal-mengukuh-berikutan-cuaca-hasil-yang-baik-mpob/</p>
4.	<p>The Edge Market 13 Jun 2021</p>	<p>No report received on vegetable price hike, says KPDNHEP</p> <p>The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KP DNHEP) has not received any report on the increase in vegetable prices in the market so far.</p> <p>Its deputy minister said, the current prices were very affordable; in fact, there was also a decline in prices of some vegetables compared to the festive season.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/no-report-received-vegetable-price-hike-says-kpdnhep</p>

Penemuan penting & isu:

1. Harga satu bahagian lembu dan kambing korban sempena Hari Raya Aidiladha pada bulan hadapan didapati naik antara RM50 hingga RM100. Perkara ini sering berlaku apabila menjelang musim perayaan.
2. Harga minyak telah meningkat lebih 40% pada tahun ini dengan pemulihian kukuh di Eropah, AS dan China memacu kenaikan harga, walaupun COVID-19 terus mengganas di Asia. Pasaran juga semakin yakin dengan struktur kenaikan yang ditunjukkan pasaran minyak manakala Goldman Sachs Group Inc. melihat permintaan bahan api pesawat akan bertambah dengan meningkatnya kadar vaksinasi.
3. Data utama minyak sawit mentah (CPO) Malaysia berkemungkinan mengukuh pada 2021 berbanding tahun lalu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilaksanakan baru-baru ini tidak memberi kesan kepada operasi pengilangan kelapa sawit di Malaysia setakat ini, berikutan beroperasi dengan tenaga kerja yang sedikit telah pun menjadi norma baharu bagi kilang sejak PKP 1.0 lagi pada Mac 2020.
4. KPDNHEP tidak menerima laporan kenaikan harga sayur di pasaran buat masa ini. Sebenarnya, terdapat juga penurunan harga beberapa sayur-sayuran berbanding musim perayaan. Contohnya harga cili hari ini telah turun menjadi RM6 sekilogram. Sebelum ini, pada musim perayaan, KPDNHEP telah menetapkan harga pada RM15 per kg.

Maklumbalas Bahagian:

1. Harga makanan haiwan terutamanya dedak meningkat dan didakwa menjadi salah satu penyebab kenaikan harga daging lembu dan kambing. Di Selangor, harga satu bahagian daging lembu korban adalah RM750 berbanding RM650 pada tahun sebelumnya.
2. Harga minyak dunia yang dijangka kembali pulih sewaktu pra-virus akan terus memberi kesan kepada peningkatan prestasi Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR).
3. Harga minyak sawit mentah kekal stabil kerana operasi kilang kelapa sawit di Malaysia tidak terkesan walaupun PKP 3.0 dijalankan kerana sudah menjadi norma baharu bagi kilang beroperasi dengan tenaga kerja yang sedikit sejak PKP 1.0 pada Mac 2020 lagi.

4. Harga sayur-sayuran bergantung pada kesegaran sayur-sayuran tersebut. Sayuran segar mungkin berharga lebih tinggi sementara sayuran yang lebih tua mungkin lebih murah.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Malaysiagazette 12 Jun 2021 (<i>Non-Essential</i>)	<p>94% kematian COVID-19 berusia 50 tahun ke atas</p> <p>Jumlah kematian harian akibat penularan COVID-19 di negara pada 12 Jun 2021 sebanyak 76 kes, susut lapan kes berbanding hari sebelumnya.</p> <p>Setakat ini jumlah kumulatif kematian akibat pandemik COVID-19 ialah 3,844 kes.</p>	https://malaysiagazette.com/2021/06/12/94-kematian-covid-19-berusia-50-tahun-ke-atas/
2.	Astro Awani 12 Jun 2021 (<i>Non-Essential</i>)	<p>COVID-19: Kematian dibawa hospital (BID) membimbangkan, apa patut dilakukan?</p> <p>Kematian akibat COVID-19 yang dibawa ke hospital atau brought in dead (BID) berada pada tahap membimbangkan apabila sebanyak 132 kes dilaporkan pada Mei lalu.</p> <p>Selain mutasi varian baharu COVID-19, antara punca lain kes BID meningkat adalah dipercayai disebabkan peningkatan jangkitan dalam komuniti, serta kes-kes sporadik.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-kematian-dibawa-hospital-bid-membimbangkan-apa-patut-dilakukan-302779
Penemuan penting & isu:			
<p>1. Berdasarkan kes kematian pada 12 Jun 2021, kesemua 76 mangsa yang menjadi korban COVID-19 adalah warga tempatan. Daripada jumlah itu Selangor menyumbang angka kematian tertinggi iaitu 27 kes. Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan masing-masing mencatatkan sembilan kematian diikuti lapan kes di</p>			

Johor; masing-masing lima kes di Sabah dan Melaka, empat kes di Sarawak, Kelantan (3), Kedah (2 kes) serta masing-masing satu satu kes di Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Labuan. Daripada jumlah itu, 36 mangsa adalah wanita. Daripada 76 mangsa yang meninggal dunia itu, 94 peratus atau 70 orang adalah individu berusia 50 tahun dan ke atas manakala enam peratus atau enam orang adalah di bawah usia 50 tahun. Paling muda adalah dua individu lelaki dan wanita, masing-masing dari Labuan dan Negeri Sembilan. Manakala mangsa paling tua terkorban akibat Covid-19 adalah seorang wanita warga emas berusia 101 tahun dari Selangor.

2. Mengikut rekod kematian akibat COVID-19 yang dibawa ke hospital atau *brought in dead* (BID), ada juga pesakit mengalami gejala seperti demam dan batuk telah menerima rawatan pesakit luar, tetapi tidak dibuat saringan atau ujian swab ke atas mereka lalu tahap kesihatan mereka merosot, bertambah teruk di rumah dan meninggal dunia. Ada golongan yang lebih membimbangkan iaitu mereka yang ada gejala tetapi tidak mengambil berat gejala-gejala ini. Mereka tidak mendapatkan rawatan, mungkin disebabkan oleh mereka rasa badan mereka boleh tahan lagi. Ada kemungkinan mereka ini mempunyai masalah pengangkutan, ekonomi, kewangan, keluarga tidak ada yang nak jaga anak dan sebagainya. Jadi, kesihatan mereka merosot lalu meninggal dunia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
 - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan;
 - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020; dan
 - Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.
2. Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 11 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>MyBinary-PTPTN bantu pelajar B40, M40</p> <p>Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Binary University memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi membantu meringankan beban kewangan pelajar B40 dan M40. Melalui kerjasama untuk memperkasakan pendidikan negara, pelajar bakal menerima subsidi yuran pengajian dan mendapat kemudahan pinjaman PTPTN apabila melanjutkan pengajian di Binary University bagi kemasukan 2021/2022.</p> <p>Subsidi yuran pengajian diberikan oleh Binary University menerusi Geran Pendidikan Prihatin (GPP) MyBinary-PTPTN dengan peruntukan berjumlah RM205 juta secara sekali beri.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/826579/mybinary-ptptn-bantu-pelajar-b40-m40
2.	Berita Harian 12 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Guru kelas peperiksaan diberi keutamaan vaksin</p> <p>Guru kelas peperiksaan akan diberi keutamaan menerima vaksin COVID-19 sekiranya situasi pandemik semakin pulih dan terdapat keperluan menghadiri pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersemuka.</p> <p>Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) juga telah bersetuju supaya guru kelas peperiksaan diberi keutamaan untuk menerima vaksin.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/827016/guru-kelas-peperiksaan-diberi-keutamaan-vaksin

3.	Bernama 12 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	SPM: Guru cipta modul khas bantu pelajar tidak dapat ikuti PdPR <p>Modul ‘belajar sendiri’ yang dibuat seorang guru bagi membantu pelajar yang tidak berupaya mengikuti sesi dalam talian Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), membuatkan hasil apabila 22 daripada 29 pelajarnya meraih gred ‘A’ untuk subjek itu.</p> <p>Guru tersebut mencipta modul tersebut bagi membantu pelajar yang tidak mempunyai telefon pintar di rumah bagi menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1971153
4.	Berita Harian 12 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	COVID-19: Kerajaan prihatin permasalahan semua pihak <p>Kerajaan sentiasa prihatin terhadap permasalahan dihadapi semua pihak, termasuk komuniti perniagaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.</p> <p>Kerajaan berusaha membantu sektor terkesan, dengan memperkenalkan pelbagai pakej rangsangan bagi mengurangkan beban kewangan yang dihadapi peniaga/ pengusaha. Antaranya ialah pelaksanaan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) bernilai RM40 bilion.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/826873/covid-19-kerajaan-prihatin-permasalahan-semua-pihak

Penemuan penting & isu:

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Binary University telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi membantu meringankan beban kewangan pelajar B40 dan M40.
2. Guru kelas peperiksaan akan diberi keutamaan menerima vaksin COVID-19 sekiranya situasi pandemik semakin pulih dan terdapat keperluan menghadiri PdP bersemuka.
3. Modul ‘belajar sendiri’ yang dibuat seorang guru bagi membantu pelajar yang tidak berupaya mengikuti sesi dalam talian PdPR, membuatkan hasil apabila 22 daripada 29 pelajarnya meraih gred ‘A’ untuk subjek tersebut.
4. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap permasalahan dihadapi semua pihak, termasuk komuniti perniagaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Selain golongan B40, golongan M40 juga turut terjejas berikutan penularan wabak COVID-19. Geran Pendidikan Prihatin (GPP) MyBinary-PTPTN mencerminkan keprihatinan PTPTN dan Binary University dalam menyokong usaha kerajaan untuk meringankan beban rakyat terutama yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Merujuk kepada My Local Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan isi rumah M40 yang tertinggi iaitu sebanyak 25.2 peratus.
2. Sekolah dijangka akan dibuka secara berperingkat sekiranya keadaan pandemik ini bertambah baik dan kumpulan yang akan ke sekolah terlebih dahulu adalah pelajar kelas peperiksaan. Untuk memastikan PdP bersemuka dijalankan dalam keadaan selamat, guru yang terlibat haruslah divaksin terlebih dahulu. Merujuk kepada My Local Stats 2019, bilangan guru sekolah rendah kerajaan dan sekolah menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 adalah masing-masing seramai 235,987 orang dan 180,572 orang.
3. Berikutan penularan COVID-19, cara pembelajaran adalah secara PdPR. Namun, tidak semua pelajar mampu untuk memiliki telefon bimbit bagi mengikuti PdPR ini. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019 dan *ICT Use and Access by Households and Individuals Survey* 2019, peratusan capaian isi rumah terhadap telefon bimbit di Malaysia pada tahun 2019 adalah sebanyak 93.5 peratus.

4. PEMERKASA+ dan BPR adalah inisiatif oleh kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat terjamin. Pakej bantuan tersebut amat membantu rakyat yang terjejas akibat pandemik ini. Berdasarkan Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM), Indeks IKRM meningkat 0.6 peratus iaitu 121.0 mata pada 2019 berbanding tahun sebelumnya (120.3 mata).

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Sun Daily 12 Jun 2021 (Essential)	All PST nationwide will continue to operate during MCO 3.0-MAFI Controlled fresh markets (PST) nationwide will continue to operate throughout the total lockdown period to ensure the continuity of the food supply chain to the community.	https://www.thesundaily.my/local/all-pst-nationwide-will-continue-to-operate-during-mco-30-mafi-FM7961744
2.	Sinar Harian 12 Jun 2021 (Essential)	Nekad tanam keledek walau berdepan ancaman tikus tanah Pengusaha tanaman keledek di Kampung Air Hitam, Pekan nekad meneruskan projek tanaman keledek walaupun berdepan dengan ancaman tikus tanah. Sementara itu, FAMA turut membantu penduduk dalam memasarkan keledek yang tidak dapat dipasarkan selepas berdepan Perintah Kawalan pergerakan (PKP).	https://www.sinarharian.com.my/article/143784/EDISI/Pahang/Nekad-tanam-keledek-walau-berdepan-ancaman-tikus-tanah
3.	Sinar Harian 12 Jun 2021 (Essential)	Automasi penting tangani kekurangan buruh agromakanan: MPC Terdapat keperluan mendesak bagi subsektor agromakanan untuk terlibat dalam usaha menaik taraf teknologi dan menerima pakai teknik perladangan moden sebagai penyelesaian kepada	https://www.sinarharian.com.my/article/143779/BERITA/Nasional/Automasi-penting-tangani-kekurangan-buruh-subsektor-agromakanan-MPC

		masalah kekurangan 40 peratus buruh dalam sektor tersebut terutamanya di Cameron Highlands.	
4.	Harian Metro 13 Jun 2021 (Essential)	<p>Jangan bimbang bekalan ikan cukup</p> <p>Stok semasa ikan di negara ini dijangka mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi, terdapat 89 pasar nelayan di bawah seliaan LKIM sekiranya pengguna ingin mendapatkan bekalan ikan. Selain itu, LKIM juga mempunyai 33 pusat pengumpulan dan pengedaran ikan (CCDC) di seluruh negara.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutahir/2021/06/717383/jangan-bimbang-bekalan-ikan-cukup
5.	Berita Harian 14 Jun 2021 (Essential)	<p>FAMA Sabah agih bahan makanan di Kawasan PKPD</p> <p>Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah mengagihkan kira-kira empat tan bahan makanan kepada penduduk yang terjejas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di sekitar bandar raya ini.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/827530/fama-sabah-agih-bahan-makanan-di-kawasan-pkpd
6.	The Star 14 Jun 2021 (Essential)	<p>Bittersweet news for Cameron Highlands Flower Farmers</p> <p>FLOWER growers in Cameron Highlands, Pahang are relieved after receiving news that the floral industry has been allowed to resume operations from June 12. National Security Council (NSC) had granted permission for the</p>	https://www.thestar.com.my.metro.metro_o-news/2021/06/14/bittersweet-news-for-cameron-highlands-flower-farmers

		sale of flowers for religious and cultural purposes, with strict standard operating procedures in place.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. *A total of 42 PST are operating nationwide, so far, with each PST having eight core commodities, namely vegetables, fruits, fish, poultry, meat, small and medium industry products, groceries and food (take-away). MAFI (Ministry of Agriculture and Food Industries) will always take all necessary measures to ensure a smooth food supply chain, among them the production, distribution and retailing of agricultural products and the food industry.*
2. Pengusaha tanaman keledek di Kampung Air Hitam, Pekan tidak dapat memasarkan hasil tanaman selepas berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun, FAMA negeri Pahang telah membantu memasarkan 1,500 kilogram keledek hasil tanaman pekebun orang Asli berkaitan bagi mengelakkan pekebun menanggung kerugian kesan PKP dan Sekatan Pergerakan Penuh (SPP).
3. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lepas, berlaku pengurangan sekurang-kurangnya 30-40 peratus pekerja asing dan tempatan di Cameron Highlands. Sektor pertanian Cameron Highlands menyumbang 60 peratus daripada bekalan sayur-sayuran di Semenanjung Malaysia. Ia termasuk 4,046 hektar tanah yang ditanam dengan sayur-sayuran, 809 hektar bagi bunga dan 1,619 hektar bagi teh. Nexus Produktiviti Agromakanan (AFPN) dan Nexus Produktiviti Elektrik dan Elektronik (EEPEN) dengan sokongan MPC, akan memperkenalkan satu program potensi automasi bagi memastikan produktiviti dalam subsektor agromakanan terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana untuk terus konsisten semasa tempoh pandemik.
4. Jumlah jualan di pasar nelayan Sungai Yu bagi tempoh Januari hingga Mei lalu adalah sebanyak 55,834 kilogram (kg) dengan nilai jualan RM961,964.00. Jualan pasar nelayan di seluruh Selangor adalah 82,058.85 kg dengan anggaran nilai sebanyak RM1.5 juta sepanjang tempoh yang sama. Jualan daripada pasar nelayan seluruh negara dari tempoh Januari hingga Mei lalu pula adalah 2,163,417.01 kg dengan nilai jualan sebanyak RM24.4 juta. Pendaratan ikan di Selangor pada Januari hingga Mei adalah berjumlah 26,455.55 tan metrik dengan nilai sebanyak RM53.6 juta. Manakala bagi pendaratan ikan di seluruh Malaysia adalah sejumlaah 41,364.82 tan metrik dengan nilai sebanyak RM164 juta bagi tempoh yang sama.
5. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah mengagihkan kira-kira empat tan bahan makanan kepada penduduk yang terjejas berikutnya

pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di sekitar bandar raya tersebut. Bahan makanan termasuk sayuran dan buah-buahan itu disalurkan menerusi program tanggungjawab sosial Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) atau MAFI Prihatin yang dilaksanakan di seluruh negara. Pengagihan bahan makanan itu adalah antara usaha dilaksanakan MAFI dan FAMA bersama rakan strategiknya untuk meringankan beban penduduk terutama mereka yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

6. *Flower growers in Cameron Highlands, Pahang are relieved after receiving news that the floral industry has been allowed to resume operations from June 12. National Security Council (NSC) had granted permission for the sale of flowers for religious and cultural purposes, with strict standard operating procedures in place. However, the farmers' joy at being allowed to resume operations was short-lived with the government's announcement that five areas in Kampung Raja — namely Sungai Ikan, Taman Matahari Cerah, Kampung Baru Kampung Raja, Blue Valley and Taman Desa Corina — would be put under enhanced movement control order from June 14 to June 27.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Industri bunga-bungaan antara industri yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Berdasarkan kepada Perangkaan Agromakanan 2019 yang diterbitkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, pengeluaran bunga-bungaan di Malaysia pada 2019 mencatatkan 528,096 keratan/pasu/pokok.
2. Pada 2019, kadar sara diri (SSR) keledek di Malaysia mencatatkan 81.7 peratus dengan pengeluaran di Pahang adalah sebanyak 1,159.38 tan metrik. Statistik diperoleh daripada Penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) keluaran Jabatan Perangkaan Malaysia dan Statistik Tanaman Sayur-Sayuran & Tanaman Ladang terbitan Jabatan Pertanian Malaysia.
3. Penurunan permintaan terhadap produk pertanian sepanjang tempoh PKP memberikan kesan langsung kepada jumlah guna tenaga sektor ini. Sebelum pandemik C-19 melanda negara, jumlah guna tenaga sektor pertanian pada 2019 adalah seramai 1,541.1 ribu orang dengan 9.7 peratus adalah di Pahang.
4. Penerbitan SUA juga meliputi item perikanan iaitu Udang, Tuna, Mackerel, Ketam, Sotong dan Tilapia. Tiga daripada enam Perikanan Terpilih merekodkan SSR melebihi 100 peratus pada 2019 iaitu Udang, Sotong dan Tilapia. SSR sotong adalah tertinggi iaitu 109.2 peratus, diikuti udang (102.9%) dan tuna (101.3%) manakala SSR mackerel adalah terendah (84.5%). Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi item perikanan pada 2019 adalah tuna (2.7 kg/tahun), mackerel (5.7 kg/tahun) dan tilapia (1.2 kg/tahun).

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 14 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Air-Asia perluas tawaran aplikasi Super ke Pulau Pinang</p> <p>Terdapat sejumlah 3,000 peniaga termasuk 300 di Pulau Pinang menerusi AirAsia Food. Maklum balas peniaga dan pelanggan amat memberansangkan susulan kadar komisen rendah AirAsia Food pada 15 peratus bagi peniaga dan caj penghantaran 99 sen untuk jarak sehingga 5 kilometer dan RM3.99 bagi 5 hingga 10 kilometer.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1971720
2.	Bernama 14 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kawan Food gantung sementara operasi susulan kes positif COVID-19</p> <p>Kawan Food Bhd menggantung operasinya sementara waktu berikutan 78 kes positif COVID-19 disahkan dalam kalangan pekerja bahagian operasi anak syarikat milik penuhnya, Kawan Food Manufacturing Sdn. Bhd. Syarikat telah menerima surat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menggantung operasi sehingga 21 Jun 2021. Syarikat telah melaksanakan semua prosedur operasi standard (SOP) yang diperlukan di bahagian operasi, premis dan asrama.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1971879

3.	<p>The Edge Market 14 Jun 2021 (Non-essential)</p>	<p>Boustead unit allocates RM18m in rental waivers, other help for tenants to weather Covid-19 storm</p> <p>Boustead Holdings Bhd's wholly-owned subsidiary Boustead Properties Bhd allocated approximately RM18 million to assist around 350 tenants at its six commercial properties to help them weather the economic impact of the Covid-19 pandemic.</p> <p>Tenants comprised those providing legal, financial asset management, insurance, trading, travel, telecommunications, engineering, advertising, healthcare and sales services, as well as eateries, SMEs and government agencies.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/boustead-unit-allocates-rm18m-rental-waivers-other-help-tenants-weather-covid19-storm
4.	<p>Bernama 14 Jun 2021 (Non-essential)</p>	<p>2,400 pekerja WCT dan syarikat sekutunya telah divaksinkan</p> <p>WCT Holdings Bhd dan syarikat bersekutunya telah memberi vaksin dos pertama jenis Sinovac kepada 2,400 kakitangan melalui Program Rintis Trak Vaksin Bergerak MYMedic@Wilayah yang dilaksanakan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Syarikat memulakan dengan pekerja</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1971689

		<p>daripada projek pembinaan di Kuala Lumpur divaksinasi bagi memastikan kesinambungan projek dalam persekitaran pekerja yang lebih selamat dan membolehkan kakitangan bekerjasama dengan tenang dan aman.</p>	
5.	<i>The Edge Market</i> <i>12 Jun 2021</i> <i>(Essential)</i>	<p>Permission for petty traders to operate based on MKN's instructions — DBKL</p> <p>DBKL said any permission for a business to operate during the movement control order 3.0 (MCO 3.0) is subject to decisions and instructions issued by the National Security Council (MKN).</p> <p>Business activities that are allowed to operate are wholesale markets, hawker centres, built/covered markets, roadside stalls, bazaars, locked kiosks/stalls, food trucks, travelling hawkers and holders of temporary permits, limited time operation licences and KL Prihatin temporary licences.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/permission-petty-traders-operate-based-mkns-instructions-%E2%80%94-dbkl
6.	<i>The Edge Market</i> <i>11 Jun 2021</i> <i>(Non-essential)</i>	<p>UOB Malaysia extends Covid-19 Relief Assistance Programme for customers affected by MCO 3.0</p> <p>United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (UOB Malaysia) has extended its Covid-19</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/uob-malaysia-extends-covid19-relief-assistance-programme

	<p>Relief Assistance Programme to individuals who lost their job, income has been adversely impacted due to the pandemic, customers who are registered under Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) or Bantuan Prihatin Nasional (BPN) aid programmes, Microenterprises with loan or financing facilities up to RM150,000, businesses, including micro, small and medium enterprises (SMEs and other businesses that require financial support.</p> <p>The assistances include a three-month repayment moratorium, reduced monthly repayment instalments by 50% for a period of six months and reduced monthly repayment instalments that commensurate with customers' reduced income for a period of six months.</p>	<u>customers-affected-mco-30</u>
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. AirAsia Food, iaitu perniagaan penghantaran makanan telah mempunyai sejumlah 3,000 peniaga termasuk 300 di Pulau Pinang. Maklum balas peniaga dan pelanggan amat memberansangkan susulan kadar komisen rendah AirAsia Food pada 15 peratus bagi peniaga dan caj penghantaran 99 sen untuk jarak sehingga 5 kilometer dan RM3.99 bagi 5 hingga 10 kilometer.
2. Kawan Food Bhd telah menggantung operasinya sehingga 21 Jun 2021 berikutan 78 kes positif COVID-19 disahkan dalam kalangan pekerja bahagian operasi anak syarikat milik penuhnya, Kawan Food Manufacturing Sdn. Bhd. Syarikat telah melaksanakan semua prosedur operasi standard (SOP) yang diperlukan di bahagian operasi, premis dan juga asrama.

3. Boustead Properties Bhd memperuntukkan kira-kira RM18 juta untuk membantu 350 penyewa di 6 hartaan komersial yang terkesan dengan ekonomi impak daripada pandemik COVID-19. Penyewa terdiri daripada mereka yang menyediakan khidmat guaman, pengurusan aset kewangan, insurans, pelancongan, telekomunikasi, kejuruteraan, pengiklanan, perkhidmatan jualan dan kesihatan, termasuk kedai makan, pengusaha kecil dan sederhana (PKS) dan agensi kerajaan.
4. WCT Holdings Bhd dan syarikat bersekutunya telah memberi vaksin dos pertama jenis Sinovac kepada 2,400 kakitangan melalui Program Rintis Trak Vaksin Bergerak MYMedic@Wilayah yang dilaksanakan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Pekerja daripada projek pembinaan di Kuala Lumpur divaksinasi terlebih dahulu bagi memastikan kesinambungan projek dalam persekitaran pekerja yang lebih selamat dan membolehkan kakitangan bekerjasama dengan tenang dan aman.
5. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyatakan sebarang kebenaran pengoperasian perniagaan semasa PKP 3.0 adalah tertakluk kepada keputusan dan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Aktiviti perniagaan yang dibenarkan beroperasi adalah pasar borong, pusat penjaja, penjaja jalanan, bazar, kiosk tertutup, trak makanan, pemegang permit sementara, lesen operasi waktu terhad dan lesen sementara KL Prihatin
6. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (UOB Malaysia) telah memperluas Program Bantuan COVID-19 kepada individu yang kehilangan pekerjaan, sumber pendapatan terjejas akibat pandemik, pelanggan berdaftar di bawah Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) atau Bantuan Prihatin Nasional (BPN), pengusaha mikro dengan pinjaman kewangan sehingga RM150 ribu, termasuk PKS yang memerlukan bantuan kewangan. Bantuan merangkumi moratorium 3 bulan, pengurangan pembayaran pinjaman sebanyak 50 peratus selama 6 bulan dan pengurangan pembayaran balik pinjaman selama 6 bulan kepada pelanggan yang mengalami pengurangan pendapatan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan April 2021 yang diterbitkan pada 9 Jun 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,094.7 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,352.0 ribu
 - iii) Penganggur: 742.7 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,376.8 ribu

- v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus
2. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
- i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
 - iii) Penganggur: 771.8 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Berikut merupakan statistik penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan yang diterbitkan menerusi Laporan Tenaga Buruh bagi tempoh ST1 2021:
- i) Majikan: 491.4 ribu (Sumbangan: 3.2%)
 - ii) Pekerja: 11,941.4 ribu (Sumbangan: 78.4%)
 - iii) Bekerja sendiri: 2,351.8 ribu (Sumbangan: 15.4%)
 - iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 452.0 ribu (Sumbangan: 3.0%)
4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST1 2021:
- i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,260 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,348 ribu (52.6%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,160 ribu (26.1%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,234 ribu jawatan diisi (15.0%).
 - ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,560 ribu (18.9%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 904 ribu (10.9%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 786 ribu (9.5%).
 - iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 564 ribu (6.8%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 412 ribu (5.0%).
 - iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 17.4 ribu, di mana tertinggi direkodkan di sektor Pembuatan dengan 7.8 ribu (42.4%) dan diikuti dengan sektor Perkhidmatan dengan 6.4 ribu (36.6%).

5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
 - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)
6. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
 - iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
 - iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
 - v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
 - vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)